

UMP, Bosch jalin MoU kemudahan latihan industri

BH (Nasional) 10 JUN 2015 m/s 24

Kuantan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan syarikat Bosch (Malaysia) bagi memberi kemudahan kepada penuntut dalam bidang mekatronik dan automotif mengikuti latihan industri.

Syarikat Jerman yang beroperasi di negara ini itu, turut menawarkan dua biasiswa kepada penuntut UMP melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah selain peluang pekerjaan kepada mereka yang layak.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata dua penuntut terpilih dalam bidang kejuruteraan mekatronik dan automotif berpeluang melanjutkan pe-

ngajian di Karlsruhe University of Applied Science (HsKA) Jerman.

“Kerjasama yang julung kali diadakan dengan syarikat bertaraf antarabangsa ini membolehkan penuntut UMP meneroka kemajuan teknologi.

“Peluang ini akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam melonjakkan prestasi penuntut UMP.

“Kami akan berusaha menjalinkan lebih banyak kerjasama dengan syarikat antarabangsa bagi meletakkan UMP pada kedudukan terbaik dalam bidang kejuruteraan,” katanya pada majlis MoU dengan Bosch di dewan Astaka UMP kampus Kuantan, di sini.

Yang turut hadir, Duta Besar



Daing Nasir (dua dari kiri) melawat pameran **sempena majlis MoU dengan Bosch** di dewan Astaka UMP kampus Kuantan.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH]

Jerman, Holger Michael; Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak; dan Pengarah Urusan Bosch Malaysia, Simon Song.

Sempena program itu, pameran syarikat Jerman yang beroperasi di Malaysia seperti Bosch, Volkswagen, Siemens, Airbus, BASF, BMW dan Rohde & Schwarz turut diadakan.

Sementara itu, Song berkata, penuntut UMP akan menjalani latihan industri enam bulan di pusat penyelidikan dan pembangunan Bosch Car Multimedia dan Bosch Power Tools di Pulau Pinang.

“Kami memerlukan tenaga profesional berkaliber bagi menyokong dan memacu pertumbuhan syarikat dalam bidang mekatronik dan automotif,” katanya.